

**IMF Pulih Sistem Perbankan Negara Asia Timur – Dr. Ariff**

Prof. Dr. Mohamed Ariff dari Universiti Bond, Australia sedang menyampaikan taklimat beliau mengenai krisis kewangan Asia.

**KUALA LUMPUR, 8 Jan** – IMF berjaya mengubah kepincangan ekonomi sebilangan negara Asia akibat krisis kewangan Asia (Julai 1997 – Oktober 1998) dengan mempertingkatkan kecekapan sistem perbankan negara-negara tersebut.

Profesor Dr. Mohamed Ariff dari Universiti Bond, Australia berkata krisis Kewangan Asia yang menjelaskan ekonomi 6 buah negara Asia iaitu Indonesia, Korea, Malaysia, Singapura, Thailand dan Taiwan menyebabkan 4 negara iaitu Indonesia, Korea, Singapura dan Thailand meminta bantuan IMF untuk menstruktur semula sistem perbankan mereka.

“Kajian IMF menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada krisis kewangan iaitu pinjaman jangka panjang, tabung bantuan asing dengan bunga yang rendah dan kawalan ketat pihak kerajaan.

“Krisis Asia berlaku apabila aliran meningkat secara mendadak menyebabkan penjualan mata wang tempatan meruntuhkan nilai mata wang kira-kira 54 peratus ekonomi negara,” katanya dalam syarahan awam anjuran Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM di Mid Valley.

Prof. Ariff berkata IMF telah menggariskan beberapa panduan iaitu proses pengstrukturan semula hanya melibatkan bank yang terjejas, penyediaan senarai rombakan bank, penukaran hak milik bank, penggabungan bank untuk memperbaiki pengurusan dan menutup bank yang sangat teruk.

Katanya kajian oleh IMF yang dijalankan semasa pra dan pasca krisis kewangan mempraktikkan perincian pengukur kecekapan dan ujian-ujian statistik bagi menguji tahap kecekapan bank yang terlibat.

Beliau berkata proses penstrukturkan semula telah mengesahkan bahawa penggabungan dan perolehan bank membawa kepada kemerosotan kecekapan bank sebaliknya pemodal dan penswastaan telah berjaya memulihkan prestasi bank tersebut.



*Prof. Dr. Mohamed Ariff memberikan penerangan mengenai keadaan perbankan semasa krisis.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Siti Madihah Shaharizan 03-89466013).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia